

## INOVASI DALAM PENGURUSAN ZAKAT

M. Rosliza @ Rosli & M. Mohd Azhar

Pusat Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

### Abstract

Tabung Amanah Zakat Universiti Pendidikan Sultan Idris ditubuhkan pada tahun 2006 bagi menguruskan dana zakat yang disalurkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan agensi-agensi lain. Anggaran pendapatan tabung ini bagi tahun 2010 ialah sebanyak RM450,000.00 – RM500,000.00. Sistem pengurusan zakat secara online dibangunkan dengan kerjasama Pusat ICT, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan diguna pakai sepenuhnya bermula pada bulan April 2008 sebagai tranformasi dalam pengurusan zakat seiring dengan perkembangan pengurusan universiti dan negara. Inovasi yang terhasil daripada sistem pengurusan zakat secara online ini telah memberi sumbangan yang besar bukan sahaja dalam aspek penjimatan kos dalam pengurusan, tetapi juga memudahkan proses permohonan zakat, melicinkan pengurusan temuduga dan mesyuarat, mempercepatkan kelulusan permohonan dan dalam masa yang sama menyediakan sistem penyampaian maklumat yang murah dan efektif kepada pemohon. Nilai tambah yang terhasil daripada inovasi pengurusan zakat ini merupakan satu tranformasi dalam menyampaikan bantuan zakat kepada warga universiti yang berkecukupan.

**Keywords:** Zakat, inovasi.